

## Analisis Perbandingan Pemikiran Pengurusan Wakaf Menurut Syeikh Junid Tola dan Monzer Kahf

### *A Comparative Analysis of Waqf Management Thought between Syeikh Junid Tola and Monzer Kahf*

Mohd Safian Abdul Rahman\*, Azhar Wahid, Maskanatul Fiqiyah

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author email: bard.angkasa@gmail.com

#### SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 12 November 2025

Disemak: 11 April 2026

Diterima: 23 Mei 2026

Diterbitkan: 30 Jun 2026

#### KATA KUNCI

Pengurusan Wakaf

Syeikh Junid Tola

Monzer Kahf

**ABSTRAK** - Kesan daripada pengurusan wakaf yang baik ialah masyarakat mendapat manfaat dan pahala yang akan mengalir kepada wakif. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan pemikiran pengurusan wakaf antara Syeikh Junid Tola dan Profesor Dr. Monzer Kahf. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan daripada artikel jurnal dan laporan kajian-kajian lepas. Analisis ini memfokuskan kepada pemikiran dua tokoh dalam perbandingan amalan pengurusan dari aspek perolehan dana, keupayaan pengurusan, perundangan, pemasaran dan tahap kepercayaan masyarakat. Hasil kajian juga mendapati persamaan antara pemikiran Syeikh Junid Tola dan Profesor Dr. Monzer Kahf dalam pengurusan wakaf. Ia meliputi aspek perolehan dana, keupayaan pengurusan, perundangan, pemasaran dan tahap kepercayaan masyarakat. Ini menunjukkan pemikiran dua tokoh tersebut selari dengan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan, swasta dan masyarakat di Malaysia. Pengurusan wakaf yang baik amat penting untuk melestarikan wakaf agar lebih bermanfaat bagi kesejahteraan umat.

**ABSTRACT** - Effective waqf management generates sustainable benefits for society while ensuring continuous spiritual rewards (*sadaqah jāriyah*) for the waqif (endower). This article aims to examine and compare the waqf management thought proposed by Syeikh Junid Tola and Professor Dr. Monzer Kahf. The study employs a qualitative research design, using content analysis of journal articles and relevant literature. The analysis focuses on the two scholars' perspectives on key dimensions of waqf management, namely fund acquisition, managerial capacity, legal governance, marketing strategies, and public trust. The findings reveal substantial similarities in the waqf management philosophies of Syeikh Junid Tola and Professor Dr. Monzer Kahf across these dimensions. Their shared perspectives align with current initiatives by the Malaysian government, the private sector, and civil society to strengthen waqf institutions. The study concludes that effective waqf management is essential for ensuring the sustainability, productivity, and long-term socio-economic contributions of waqf institutions to the well-being of the Muslim community.

**KEYWORDS:** *Waqf Management, Sheikh Junid Tola, Monzer Kahf*

## PENDAHULUAN

Pada masa dahulu, wakaf diuruskan oleh pimpinan setempat seperti kadi, imam, tuan guru atau ahli jawatankuasa masjid. Wakaf merupakan ibadah yang bercorak sosial ekonomi yang cukup penting. Dalam sejarah Islam, wakaf telah memainkan peran yang sangat signifikan dalam meningkatkan kesejahteraan ummah dalam perkembangan bidang pendidikan, ekonomi, sosial dan kesihatan. Kajian-kajian lepas telah membincangkan tentang pengurusan wakaf dari aspek definisi, sejarah, jenis-jenis, ciri-ciri, fungsi atau peranan wakaf di Malaysia sahaja. Potensi pengembangan institusi wakaf di Malaysia sangat besar. Kecuaian dalam pengelolaan wakaf sering terjadi di kalangan masyarakat. Ini disebabkan oleh kurangnya kefahaman yang baik tentang fiqh wakaf dalam kalangan pengurus dan pelaksana wakaf. Pemikiran pengurusan wakaf menurut Syeikh Junid Tola dan Profesor Dr. Monzer Kahf telah memberikan kesan positif dalam menjadikan wakaf sebagai salah satu sumber ekonomi negara serta kemudahan awam yang berkesan.

Terdapat beberapa penulisan mengenai pengurusan wakaf. Antaranya ialah Razali Othman (2001), yang membincangkan tentang pengurusan wakaf di Malaysia. Sebelum tahun 1950-an, pengurusan wakaf telah diurus oleh pemegang amanah yang dipercayai oleh pewakaf, khususnya individu berlatar belakang agama yang dipercayai oleh masyarakat setempat atau orang-orang yang dipercayai dalam masyarakat setempat seperti guru, imam, lebai, kiyai, dan ketua-ketua kampung. Mohd Faisal Mustaffa et al. (2022) pula menyatakan bahawa terdapat peluang dan cabaran dalam pengurusan wakaf di Malaysia yang perlu ditambah baik dan dipertingkatkan ke tahap yang lebih efisien. Penubuhan institusi pengurusan wakaf berpusat dan penambahbaikan konsep wakaf perlu dilaksanakan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan perkara tersebut.

### Pemikiran Pengurusan Wakaf menurut Syeikh Junid Tola

Syeikh Junid Tola (tahun 1897 - 1948) atau dikenali Haji Junid Thola Rangkuti. Beliau dilahirkan di Tarlola iaitu sebuah kampung kecil termasuk daerah Maga, Kota Nopan, Kabupaten Tapanuli Selatan, wilayah Sumatera Utara, Indonesia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sumatera. Nama 'Junid' telah diberikan oleh gurunya iaitu Syeikh Abdul Wahab, ketika beliau belajar di Besilam. Nama tersebut diambil daripada nama seorang tokoh tasawuf iaitu Junid al-Baghdadi. Kemudian Syeikh Junid berangkat ke Mesir menuntut ilmu di Universiti al-Azhar dan seterusnya menyambung pengajian ke Mekah. Di Mesir, beliau amat berminat dengan bidang wakaf. Ia mendorong beliau untuk menulis sebuah buku kecil mengenai kaedah dalam melaksanakan wakaf. Buku ini telah dicetak oleh al-Mathba'ah al-Marbawiyah di Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1929 (1348H). Dalam buku tersebut terdapat tulisan kata pengantar oleh Syeikh Idris al-Marbawi yang terkenal dengan penyusun kamus Arab Melayu iaitu Kamus al-Marbawi. Syeikh Junid juga pernah terlibat dalam membantu Syeikh Idris al-Marbawi melengkapkan Kamus al-Marbawi (Miswar Rangkuti, 2019).

Syeikh Junid kembali ke Mandailing sekitar dekad 1920-an dengan semangat yang tinggi untuk memperjuangkan dakwah dan pendidikan Islam. Dalam tradisi masyarakat Mandailing, golongan ulama lazimnya diberikan gelaran kehormatan seperti tuan guru, syeikh dan ustaz sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaan ilmu serta sumbangan mereka kepada masyarakat. Dalam masa yang sama, beliau telah mengasaskan Pondok Pesantren Junidiyah. Beliau bukan sahaja memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di Indonesia, malah turut aktif menyebarkan dakwah di Tanah Melayu, khususnya di negeri Perak. Penglibatan beliau dalam gerakan kebangkitan Islam menyebabkan beliau berhadapan dengan tekanan pihak penjajah sehingga pada suatu ketika diusir dari tanah kelahirannya akibat dasar penindasan kolonial (Mohammad Amirul Solehin et al, 2024).

Syeikh Junid merupakan seorang ulama, pendidik dan pejuang kemerdekaan Indonesia yang berasal dari Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Sekitar dekad 1920-an, beliau kembali ke Mandailing dengan semangat yang tinggi untuk memperkukuh perjuangan dakwah dan pendidikan Islam. Dalam tradisi masyarakat Mandailing, golongan ulama lazimnya diberikan gelaran kehormatan seperti Tuan, Syeikh, Muallim dan Ayah sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaan ilmu, kepimpinan agama dan sumbangan mereka kepada masyarakat. Penglibatan Syeikh Junid dalam gerakan perjuangan kemerdekaan Indonesia menyebabkan beliau menjadi sasaran pihak kolonial Belanda sehingga perintah penangkapan dikeluarkan terhadap beliau.

Keadaan tersebut memaksa beliau berhijrah ke Tanah Melayu, khususnya ke Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Di kawasan tersebut, beliau menjadikan aktiviti dakwah, pendidikan dan pembangunan masyarakat sebagai fokus utama perjuangannya (Mohammad Amirul Solehin et al, 2024).

Di Perak, kewibawaan Syeikh Junid sebagai seorang ulama telah mendapat pengiktirafan daripada pihak istana apabila beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Ulama Negeri Perak oleh Sultan Iskandar Syah. Sepanjang berada di Perak, beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan Islam melalui penubuhan Madrasah Diniyah di Padang Rengas pada tahun 1927 dan Madrasah Arabiah Kampung Lalang pada tahun 1930. Kedua-dua institusi tersebut menjadi antara pusat penyebaran ilmu Islam yang penting di negeri Perak pada awal abad ke-20. Selain menyumbang kepada perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu, Syeikh Junid turut meneruskan usaha pembangunan pendidikan di tanah kelahirannya melalui penubuhan Yayasan al-Junidiyah yang dirasmikan pada tahun 1929. Penubuhan yayasan tersebut didorong oleh keperluan untuk memperluas kawasan Madrasah Junidiyah berikutan peningkatan jumlah pelajar yang tidak lagi dapat ditampung oleh kemudahan sedia ada. Pembinaan kompleks madrasah tersebut dilaksanakan secara bergotong-royong dengan sokongan masyarakat melalui amalan wakaf sehingga berjaya disiapkan dan dirasmikan pada tahun 1929 (Miswar Rangkuti, 2019).

Gerakan wakaf yang dipelopori oleh Syeikh Junid tidak hanya melibatkan masyarakat Mandailing, malah mendapat sokongan daripada masyarakat di seluruh Sumatera dan Tanah Melayu. Dana wakaf yang dikumpulkan dimanfaatkan bukan sahaja bagi pembangunan institusi pendidikan, bahkan untuk memperkukuh pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Antara inisiatif yang diwujudkan ialah pembinaan pasar wakaf di Hutnamale yang berkembang sebagai pusat kegiatan ekonomi setempat. Selain itu, beliau turut mengusahakan perusahaan berasaskan sumber wakaf seperti pengeluaran minyak nilam dan pembuatan kasut yang menggunakan hasil daripada kebun-kebun wakaf. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa institusi wakaf bukan sekadar mekanisme kebajikan, bahkan menjadi instrumen pembangunan ekonomi dan pemberdayaan masyarakat secara bersepadu (Dasopang et al., 2019). Dari sudut hubungan kekeluargaan, Syeikh Junid merupakan bapa mertua kepada Datuk Haji Asri Muda iaitu bekas Yang Dipertua Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau meninggal dunia pada usia 51 tahun dan dikebumikan di hadapan Madrasah al-Junidiyah di kampung kelahirannya di Tapanuli Selatan. Walaupun usia beliau singkat, namun sumbangan Syeikh Junid dalam bidang dakwah, pendidikan, wakaf dan pembangunan masyarakat telah memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan Islam di Sumatera dan Tanah Melayu serta terus diwarisi oleh generasi selepasnya.

Berdasarkan analisis terhadap kitab *Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslim* (1929), karya-karya berkaitan serta dokumen sejarah, pelaksanaan wakaf oleh Syekh Haji Junid Thola (1929) dapat dikategorikan kepada lima aspek utama, iaitu aspek perolehan dana, keupayaan pengurusan, perundangan, pemasaran dan tahap kepercayaan masyarakat.

### 1. Aspek Perolehan Dana

Syekh Junid Tola (1929) memperkenalkan mekanisme perolehan dana wakaf yang pelbagai bagi memastikan kesinambungan pembangunan institusi pendidikan dan ekonomi masyarakat. Sumber dana wakaf tidak hanya bergantung kepada sumbangan individu, bahkan turut diperoleh melalui sumbangan berkumpulan, zakat daripada guru, pelajar, kakitangan madrasah, kakitangan yayasan serta masyarakat umum. Selain itu, beliau memperkenalkan konsep potongan pendapatan dan potongan keuntungan daripada aktiviti perniagaan sebagai kaedah pengumpulan dana secara berterusan. Kepelbagaian sumber kewangan ini memperlihatkan pemahaman beliau terhadap kepentingan mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi menjamin kelestarian institusi wakaf.

### 2. Aspek Keupayaan Pengurusan

Kejayaan gerakan wakaf yang dipelopori oleh Syekh Junid Thola (1929) turut didorong oleh keupayaan pengurusan yang sistematik. Beliau terlebih dahulu menetapkan matlamat yang jelas, iaitu memperoleh harta wakaf bagi membangunkan institusi pendidikan, membayar elaun guru serta memperkukuh ekonomi masyarakat setempat. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, beliau merangka strategi yang tersusun sebagaimana diuraikan dalam Kitab *Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslim*. Kitab tersebut

mengandung sekitar 100 strategi pengumpulan harta wakaf yang disesuaikan dengan kemampuan masyarakat. Perancangan yang teliti ini membolehkan beliau membangunkan aset wakaf yang berterusan sehingga menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi masyarakat di Hutnamale dan seterusnya berkembang ke seluruh Sumatera.

### 3. Aspek Perundangan

Sumbangan terbesar Syekh Junid Tola (1929) dalam pembangunan institusi wakaf ialah penghasilan kitab *Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslim* pada tahun 1929. Kitab yang ditulis dalam tulisan Jawi ini disusun berdasarkan pengalaman beliau sebagai alumni Universiti Al-Azhar dengan mengambil inspirasi daripada sistem wakaf yang diamalkan di institusi tersebut sebelum disesuaikan dengan konteks masyarakat Melayu di Perak dan Mandailing. Kitab tersebut berfungsi sebagai panduan pelaksanaan wakaf yang menghuraikan enam bentuk amalan wakaf, iaitu wakaf tanah bendang, wakaf daripada zakat, wakaf wang, wakaf tanah darat, wakaf perniagaan dan wakaf pertukangan. Susunan tersebut menunjukkan bahawa Syekh Junid Tola mengambil kira struktur ekonomi masyarakat yang ketika itu bergantung kepada sektor pertanian. Oleh itu, wakaf tanah bendang diberi keutamaan kerana mempunyai potensi menghasilkan pendapatan yang berterusan. Sebagai contoh, beliau menggariskan bahawa tanah boleh disewa atau diusahakan secara bersama sebelum hasilnya digunakan untuk membeli aset kekal yang kemudiannya diwakafkan. Beliau juga menggalakkan masyarakat bermuafakat membeli tanah untuk diusahakan atau disewakan, manakala hasilnya dijadikan sumber dana wakaf (Syekh Junid, 1929). Pendekatan ini memperlihatkan bahawa wakaf bukan sekadar pemindahan hak milik, bahkan merupakan instrumen pembangunan ekonomi yang dirancang secara sistematik.

### 4. Aspek Pemasaran

Perkembangan institusi wakaf yang diasaskan oleh Syekh Junid Tola (1929) banyak bergantung pada keupayaan beliau membina hubungan yang erat dengan masyarakat. Beliau menggunakan pendekatan komunikasi yang berkesan, kepimpinan berkarisma dan penglibatan langsung dalam aktiviti kemasyarakatan sehingga berjaya mewujudkan keyakinan terhadap institusi wakaf yang dibangunkannya. Dari perspektif pengurusan moden, pendekatan tersebut selari dengan konsep hubungan pemasaran (*relationship marketing*), iaitu pembinaan hubungan jangka panjang dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan kelangsungan sesebuah organisasi. Menurut Rambat (2013), hubungan masyarakat merupakan salah satu strategi pemasaran yang penting melalui aktiviti publisiti, penganjuran program, jaringan komuniti dan pengukuhan imej organisasi. Pendekatan sedemikian jelas dapat diperhatikan dalam usaha Syekh Junid Tola memperluaskan gerakan wakaf ke seluruh Tapanuli Selatan, Sumatera Timur dan Tanah Melayu.

### 5. Aspek Tahap Kepercayaan Masyarakat

Tahap kepercayaan masyarakat merupakan faktor terpenting yang menyumbang kepada kejayaan gerakan wakaf Syekh Junid Tola (1929). Sebelum kepulangan beliau dari Tanah Melayu, madrasah di Kampung Handel hanya beroperasi secara sederhana di bawah pimpinan Rased Nasution dengan bilangan pelajar yang terhad. Selepas beliau mengambil alih kepimpinan institusi tersebut, jumlah pelajar meningkat dengan ketara sehingga madrasah dipindahkan ke Hutnamale dan dinamakan Madrasah Junidiyah. Peningkatan kepercayaan masyarakat dapat dilihat melalui kesediaan mereka untuk mewakafkan harta, wang tunai, barang kemas, tanah, sawah, kebun getah dan premis perniagaan bagi membangunkan institusi pendidikan tersebut. Hasil gerakan wakaf tersebut, sebuah kawasan seluas kira-kira dua hektar berjaya diperoleh untuk pembinaan tujuh blok bangunan madrasah, asrama pelajar, rumah guru dan kedai wakaf. Sokongan masyarakat terus berkembang sehingga gerakan wakaf meliputi seluruh Tapanuli Selatan, Sumatera Timur dan Tanah Melayu, khususnya di Padang Rengas, Perak.

Aset wakaf yang berjaya dikumpulkan bukan sahaja digunakan untuk membiayai pembangunan fizikal madrasah, malah dimanfaatkan bagi membeli peralatan pembelajaran, membayar gaji guru, membebaskan pelajar daripada yuran persekolahan serta membangunkan ladang getah dan pasar wakaf sebagai sumber pendapatan berterusan. Melalui pendekatan ini, Syekh Junid Tola membuktikan bahawa institusi wakaf mampu berfungsi sebagai instrumen pembangunan pendidikan, kebajikan dan ekonomi masyarakat secara lestari. Kejayaan tersebut turut mendorong pembangunan ekonomi

masyarakat Hutnamale melalui pembinaan pasar wakaf dan pembangunan aset produktif yang memberi manfaat kepada masyarakat secara berterusan.

### **Pemikiran Pengurusan Wakaf Menurut Profesor Dr. Monzer Kahf**

Profesor Dr. Monzer Kahf merupakan antara sarjana kontemporari yang memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan teori ekonomi Islam, khususnya dalam bidang zakat, wakaf, kewangan Islam dan pembangunan sosioekonomi. Dilahirkan pada tahun 1940 di Damsyik, Syria, beliau kemudiannya memperoleh kewarganegaraan Amerika Syarikat dan mengembangkan kerjaya akademiknya melalui penyelidikan, pengajaran dan penulisan ilmiah di pelbagai institusi pengajian tinggi. Sepanjang lebih tiga dekad penglibatannya dalam bidang akademik, Kahf telah menghasilkan pelbagai karya yang menjadi rujukan utama dalam disiplin ekonomi Islam, khususnya berkaitan mekanisme pengagihan kekayaan, pembasmian kemiskinan dan pembangunan institusi ekonomi Islam (Kasdi, 2013).

Monzer Kahf telah menggabungkan prinsip syariah dengan analisis ekonomi moden. Berbeza daripada kebanyakan sarjana ekonomi Islam pada era 1970-an yang lebih menumpukan kepada perbincangan normatif mengenai falsafah ekonomi Islam, Kahf memperkenalkan pendekatan analitikal dan kuantitatif bagi menjelaskan fungsi institusi ekonomi Islam dalam sistem ekonomi secara menyeluruh. Melalui karya *The Islamic Economy: Analytical Study of the Functioning of the Islamic Economic System* (1978), beliau membuktikan bahawa instrumen ekonomi Islam seperti zakat, sedekah dan wakaf bukan sekadar ibadah kebajikan, bahkan berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan yang mampu mempengaruhi pemboleh ubah ekonomi seperti pendapatan, penggunaan, pelaburan dan simpanan (Chapra, 1984).

Dalam konteks wakaf, Kahf (1999) berpandangan bahawa institusi wakaf perlu diurus secara profesional, produktif dan berorientasikan pembangunan lestari. Menurut beliau, wakaf tidak seharusnya hanya tertumpu kepada penyediaan aset statik seperti masjid atau tanah perkuburan, tetapi perlu dibangunkan sebagai aset ekonomi yang mampu menjana pulangan berterusan bagi membiayai pendidikan, kesihatan, penyelidikan, kebajikan masyarakat dan pembangunan ekonomi. Pendekatan ini memperlihatkan perubahan paradigma daripada pengurusan wakaf yang bersifat tradisional kepada model wakaf produktif (*productive waqf*), yang memberi penekanan terhadap kelestarian manfaat (*sustainability*) dan pemeliharaan nilai aset (*preservation of capital*).

Selain itu, Kahf (1999) turut menegaskan bahawa kejayaan institusi wakaf bergantung kepada sistem tadbir urus yang cekap, ketelusan pengurusan, akauntabiliti institusi serta kecekapan pelaburan aset wakaf. Beliau berpandangan bahawa pengurus wakaf (*mutawalli*) perlu mengaplikasikan prinsip pengurusan moden tanpa mengabaikan kehendak syariah. Oleh itu, institusi wakaf hendaklah mengamalkan pengurusan strategik, penilaian risiko, pemantauan prestasi dan inovasi kewangan bagi memastikan aset wakaf terus berkembang serta memberikan impak ekonomi dan sosial yang maksimum.

Di samping itu, Monzer Kahf turut memperkenalkan konsep wakaf tunai (*cash waqf*) sebagai instrumen yang berpotensi memperluaskan penyertaan masyarakat dalam amalan berwakaf. Menurut beliau, wakaf tunai membolehkan setiap individu menyumbang mengikut kemampuan masing-masing, sekali gus meningkatkan mobilisasi dana wakaf untuk tujuan pembangunan. Dana yang dikumpulkan boleh dilaburkan dalam instrumen yang patuh syariah, manakala hasil pelaburan digunakan bagi membiayai pelbagai program pembangunan ummah tanpa menjejaskan modal asal wakaf. Pendekatan ini menjadikan institusi wakaf lebih dinamik, inklusif dan relevan dengan keperluan ekonomi semasa (Kasdi, 2015).

Pemikiran Monzer Kahf telah memberikan asas teori yang kukuh kepada pembangunan model pengurusan wakaf kontemporari. Penekanan beliau terhadap produktiviti aset, kelestarian kewangan, tadbir urus yang baik dan inovasi pengurusan telah mempengaruhi banyak penyelidikan serta dasar pembangunan wakaf di negara-negara Islam (Kasdi, 2013). Justeru, pemikiran beliau terus menjadi rujukan penting dalam usaha memperkasakan institusi wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.

## Kerangka Konsep dalam Pembangunan Teori Wakaf Modern

Monzer Kahf merupakan antara sarjana kontemporari yang telah memberikan sumbangan signifikan terhadap pembangunan teori wakaf modern melalui pendekatan yang mengintegrasikan prinsip syariah dengan analisis ekonomi. Berbeza daripada pendekatan tradisional yang melihat wakaf sebagai instrument kebajikan semata-mata, Kahf mengemukakan kerangka yang lebih komprehensif dengan menonjolkan wakaf sebagai institusi ekonomi yang berupaya menyokong pembangunan mampan, pengagihan kekayaan dan pembentukan modal sosial. Pendekatan ini telah menjadi asas kepada perkembangan model wakaf produktif (*productive waqf*) yang banyak diaplikasikan dalam institusi wakaf kontemporari (Kahf, 1999).

Menurut Kahf (1999), konsep wakaf perlu difahami daripada dua dimensi yang saling melengkapi, iaitu dimensi syariah dan dimensi ekonomi. Dari perspektif syariah, wakaf merujuk kepada penahanan hak milik terhadap sesuatu aset dengan mengekalkan nilai asal aset tersebut, manakala manfaat atau hasilnya disalurkan secara berterusan kepada penerima yang telah ditetapkan oleh pewakaf. Definisi ini menegaskan bahawa aset wakaf hendaklah dipelihara daripada sebarang bentuk pelupusan atau penggunaan yang boleh menghilangkan nilai asalnya. Sebaliknya, hanya manfaat yang terhasil daripada aset tersebut boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan dan pembangunan masyarakat. Oleh itu, wakaf berfungsi sebagai instrumen filantropi Islam yang menjamin kesinambungan manfaat (*perpetuity*) serta merealisasikan objektif maqasid al-shariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan kesejahteraan masyarakat.

Dari perspektif ekonomi, Kahf melihat wakaf sebagai mekanisme pengalihan sumber ekonomi daripada penggunaan semasa kepada pelaburan dalam aset produktif yang mampu menjana pulangan secara berterusan. Melalui pendekatan ini, wakaf bukan sekadar instrumen kebajikan, bahkan menjadi mekanisme pembentukan modal (*capital formation*), mobilisasi sumber kewangan serta pengagihan semula kekayaan secara lestari. Pendekatan ekonomi yang diketengahkan oleh Kahf memperlihatkan bahawa aset wakaf boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi melalui penghasilan pendapatan yang berterusan tanpa menjejaskan modal asal wakaf (Kahf, 1999).

Berdasarkan kerangka tersebut, klasifikasi objektif wakaf dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu wakaf keagamaan (*religious waqf*), wakaf kekeluargaan (*family waqf*) dan wakaf kebajikan (*philanthropic waqf*). Wakaf berkaitan agama bertujuan menyokong pelaksanaan ibadah serta pembangunan institusi keagamaan seperti masjid, surau dan pusat pendidikan Islam. Wakaf kekeluargaan pula bertujuan menjamin kebajikan ahli keluarga atau keturunan pewakaf, manakala wakaf kebajikan memberi manfaat kepada masyarakat secara umum melalui penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial dan pembangunan ekonomi. Pengelasan kategori ini menunjukkan bahawa fungsi wakaf bukan sahaja memenuhi keperluan spiritual, malah berperanan sebagai instrumen perlindungan sosial dan pembangunan ekonomi masyarakat (Asmak Ab Rahman 2009).

Salah satu sumbangan utama Kahf ialah pengelasan aset wakaf berdasarkan bentuk manfaat yang dihasilkan. Beliau membahagikan wakaf kepada dua kategori utama, iaitu wakaf langsung (*direct waqf*) dan wakaf produktif (*productive waqf*). Wakaf langsung merujuk kepada aset yang memberikan manfaat secara terus kepada penerima tanpa melalui proses pelaburan, seperti masjid, sekolah, hospital, rumah anak yatim dan kediaman kebajikan. Dalam kategori ini, manfaat diperoleh secara langsung melalui penggunaan kemudahan yang disediakan oleh aset wakaf tersebut (Kasdi, 2013).

Sebaliknya, wakaf produktif melibatkan aset yang dibangunkan melalui aktiviti pelaburan atau perniagaan yang mematuhi prinsip syariah bagi menjana pulangan kewangan secara berterusan. Pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan tersebut kemudiannya diagihkan kepada penerima manfaat mengikut syarat yang ditetapkan oleh pewakaf, manakala aset asal terus dikekalkan. Model ini menggambarkan transformasi institusi wakaf daripada pendekatan tradisional yang lebih bersifat pasif kepada pendekatan pembangunan yang menekankan produktiviti, kelestarian kewangan dan pengembangan aset wakaf (Kahf, 1999).

Selain menekankan aspek produktiviti, Kahf turut menegaskan bahawa kejayaan institusi wakaf bergantung kepada pelaksanaan sistem tadbir urus yang cekap, profesional dan telus. Menurut beliau, pengurus wakaf (*mutawalli*) perlu mengamalkan prinsip pengurusan moden seperti perancangan strategik, pengurusan risiko, pemantauan prestasi, pelaburan yang patuh syariah serta akauntabiliti institusi. Pendekatan ini bertujuan memastikan aset wakaf terus berkembang dan mampu memberikan manfaat ekonomi serta sosial secara berterusan kepada masyarakat. Dalam konteks ini, Kahf melihat institusi wakaf sebagai entiti pembangunan yang perlu diurus berdasarkan prinsip kecekapan ekonomi tanpa mengabaikan nilai-nilai syariah (Kahf, 1999).

Pemikiran Monzer Kahf telah memberikan pengaruh yang besar terhadap pembangunan teori dan amalan wakaf kontemporari. Model wakaf produktif yang diperkenalkan beliau menjadi asas kepada pelbagai pembaharuan pengurusan wakaf di negara-negara Islam, termasuk pembangunan wakaf tunai (*cash waqf*), wakaf korporat, wakaf pendidikan dan wakaf kesihatan. Pendekatan ini turut menyokong agenda pembangunan mampan melalui pengukuhan institusi sosial, pembasmian kemiskinan, peningkatan akses kepada pendidikan dan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti (Kasdi, 2013). Walaupun demikian, beberapa sarjana berpandangan bahawa pelaksanaan model wakaf produktif yang dicadangkan oleh Kahf memerlukan prasyarat institusi yang kukuh, termasuk sistem perundangan yang jelas, tadbir urus yang berintegriti, kepakaran pengurusan pelaburan serta mekanisme pemantauan yang berkesan. Tanpa elemen-elemen tersebut, objektif untuk meningkatkan produktiviti aset wakaf berisiko tidak dapat dicapai dengan optimum. Oleh itu, kejayaan model wakaf produktif bukan sahaja bergantung kepada kekuatan kerangka teorinya, tetapi juga kepada keupayaan institusi wakaf mengadaptasikan prinsip-prinsip tersebut dalam konteks pentadbiran semasa.

Secara keseluruhannya, pemikiran Monzer Kahf telah mentransformasikan paradigma wakaf daripada sebuah institusi amal yang bersifat tradisional kepada instrumen pembangunan sosioekonomi yang berteraskan kelestarian aset, pelaburan produktif dan tadbir urus yang profesional. Kerangka pemikiran beliau bukan sahaja memperkukuh asas teori ekonomi Islam, malah terus menjadi rujukan utama dalam pembangunan model pengurusan wakaf moden di pelbagai negara Islam.

### **Implikasi Pemikiran Syeikh Junid Tola dan Monzer Kahf terhadap Amalan Pengurusan Wakaf di Malaysia**

Analisis perbandingan ini menunjukkan bahawa pemikiran Syeikh Junid Tola lebih tertumpu kepada pelaksanaan wakaf produktif berdasarkan realiti sosioekonomi pada zamannya, manakala Monzer Kahf memperluas konsep tersebut dengan mengintegrasikan instrumen kewangan moden seperti wakaf tunai dan wakaf korporat. Walaupun pendekatan yang digunakan berbeza mengikut konteks sejarah dan perkembangan ekonomi, kedua-dua tokoh berkongsi matlamat yang sama, iaitu memastikan institusi wakaf berfungsi sebagai instrumen pembangunan ummah yang mampu menjana manfaat secara berterusan dan lestari.

Kelestarian institusi wakaf merupakan elemen penting dalam menyokong pembangunan sosioekonomi masyarakat dan negara. Sebagai salah satu instrumen ekonomi Islam, wakaf berpotensi menjadi sumber pembiayaan yang mampan bagi sektor pendidikan, kesihatan, kebajikan dan pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun, potensi tersebut masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa masih terdapat sejumlah besar aset wakaf yang belum dibangunkan secara produktif, di samping wujudnya kelemahan dalam aspek dokumentasi, pendaftaran dan penyimpanan rekod harta wakaf. Ketiadaan pangkalan data yang sistematik menyukarkan proses perancangan, pemantauan dan pembangunan aset wakaf secara berkesan Mohd Faisal b. Mustafa et al. (2022). Oleh itu, pembaharuan terhadap sistem pengurusan wakaf perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan institusi wakaf serta memaksimumkan impaknya terhadap pembangunan negara.

#### **i) Perancangan Strategik Pengurusan Wakaf**

Aspek perancangan merupakan komponen asas dalam memastikan pengurusan wakaf dilaksanakan secara sistematik dan berorientasikan hasil. Menurut Ahmad Atory (1985), perancangan organisasi boleh diklasifikasikan kepada perancangan mengikut tempoh masa, perancangan strategik dan perancangan operasi. Perancangan mengikut tempoh masa merangkumi perancangan jangka pendek,

jangka sederhana dan jangka panjang, manakala perancangan strategik memberi tumpuan kepada analisis peluang, cabaran dan hala tuju organisasi pada masa hadapan. Sebaliknya, perancangan operasi berfungsi sebagai mekanisme pelaksanaan yang menyokong pencapaian objektif strategik organisasi melalui aktiviti harian dan pengurusan sumber.

Dalam konteks institusi wakaf, nazir atau pengurus wakaf perlu membangunkan pelan tindakan yang jelas berdasarkan tempoh pelaksanaan. Perancangan jangka pendek hendaklah merangkumi sasaran operasi harian dan mingguan, disertai dengan mekanisme pemantauan serta penilaian prestasi secara berkala. Bagi perancangan jangka sederhana dan jangka panjang, institusi wakaf perlu menetapkan indikator pencapaian utama (*Key Performance Indicators, KPI*), sasaran pembangunan aset, strategi pelaburan dan pelan pengembangan institusi yang dinilai secara tahunan.

Bagi pembangunan tanah wakaf, beberapa faktor utama perlu diberi perhatian, antaranya penyediaan sumber manusia yang berkemahiran, kecukupan sumber kewangan, pelaksanaan sistem pemantauan dan tadbir urus yang berkesan, serta pembangunan aset wakaf secara produktif melalui aktiviti ekonomi yang menjana pulangan yang berterusan. Pendekatan ini selaras dengan konsep *productive waqf* yang menekankan pemeliharaan aset asal di samping penghasilan manfaat ekonomi yang mampan.

## ii) Kerjasama Strategik dengan Sektor Swasta

Penglibatan sektor swasta merupakan antara strategi penting dalam mempercepat pembangunan aset wakaf di Malaysia. Kerjasama antara institusi wakaf dengan syarikat korporat, institusi kewangan Islam, pemaju hartanah dan syarikat pelaburan mampu menyediakan kepakaran, modal dan teknologi yang diperlukan bagi membangunkan aset wakaf secara lebih profesional. Pendekatan ini turut mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan serta memperluaskan sumber pembiayaan pembangunan wakaf (Najibah & Mohd Zamro, 2014).

Melalui kerjasama strategik tersebut, aset wakaf berpotensi dibangunkan dalam bentuk projek berimpak tinggi seperti hospital wakaf, institusi pendidikan, kompleks komersial, hotel, pangsupuri, pusat perniagaan dan taman perindustrian. Hasil daripada pembangunan ini boleh digunakan bagi membiayai pelbagai program kebajikan, pendidikan dan pembangunan masyarakat secara berterusan tanpa menjejaskan aset asal wakaf. Pendekatan ini selaras dengan model wakaf produktif yang diketengahkan oleh Monzer Kahf, yang menekankan kepentingan pelaburan aset wakaf bagi menjamin kelestarian manfaat kepada masyarakat.

## iii) Pendigitalan Pengurusan Wakaf

Transformasi digital merupakan keperluan penting untuk memperkukuh kecekapan institusi wakaf pada era Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital. Pendigitalan hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh (*end-to-end*), bermula daripada proses pewakafan, pendaftaran aset, pengurusan dokumen, pembangunan projek, pemantauan pelaburan, agihan manfaat sehingga kepada pelaporan kewangan dan audit. Penggunaan teknologi digital seperti sistem maklumat wakaf bersepadu, pangkalan data berpusat, aplikasi mudah alih, pembayaran wakaf dalam talian, kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), analitik data raya (*Big Data Analytics*) dan teknologi rantai blok (*blockchain*) berpotensi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta kecekapan pengurusan institusi wakaf. Selain itu, platform digital dan media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium promosi, pendidikan dan kutipan dana wakaf, sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh beberapa institusi zakat di Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan penyertaan masyarakat dalam amalan berwakaf, malah meningkatkan keyakinan penyumbang melalui penyediaan maklumat yang telus dan mudah diakses.

Secara keseluruhannya, pembaharuan institusi wakaf di Malaysia memerlukan pendekatan holistik melalui pengukuhan perancangan strategik, pembangunan kerjasama rentas sektor, serta transformasi digital yang komprehensif. Pelaksanaan ketiga-tiga strategi ini diyakini dapat meningkatkan produktiviti aset wakaf, memperkukuh tadbir urus institusi dan memastikan manfaat wakaf dapat disalurkan secara lebih efektif kepada masyarakat. Selaras dengan aspirasi pembangunan mampan, institusi wakaf berpotensi menjadi pemacu utama dalam memperkukuh kesejahteraan sosial, mengurangkan jurang ekonomi dan menyokong pembangunan negara secara berterusan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dinyatakan bahawa pemikiran Syeikh Junid Tola dan Monzer Kahf menunjukkan kedua-dua tokoh mempunyai persamaan dalam melihat wakaf sebagai instrumen yang mampu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat. Walaupun kedua-duanya hidup dalam konteks zaman yang berbeza, pemikiran mereka menunjukkan kecenderungan yang sama dalam menekankan kepentingan pengurusan aset wakaf secara produktif bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan.

Dari aspek pengurusan aset wakaf, kedua-dua tokoh menekankan bahawa harta wakaf tidak seharusnya dibiarkan tanpa pembangunan, sebaliknya perlu dimanfaatkan melalui aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan. Dalam amalan Syeikh Junid Tola, aset wakaf dibangunkan melalui sektor pertanian, perdagangan dan penyediaan perkhidmatan. Pendekatan ini membolehkan hasil wakaf digunakan bagi membiayai institusi pendidikan, aktiviti dakwah dan pelbagai program kebajikan. Begitu juga dengan Monzer Kahf yang mengemukakan konsep *productive waqf*, iaitu pembangunan aset wakaf melalui pelaburan dan aktiviti ekonomi yang patuh syariah bagi menghasilkan pulangan yang berterusan. Oleh itu, kedua-dua tokoh berkongsi pandangan bahawa produktiviti aset merupakan elemen utama dalam memastikan kelestarian institusi wakaf.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara dalam pendekatan pengurusan wakaf yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh, khususnya berkaitan inovasi instrumen wakaf. Syeikh Junid Tola merupakan ulama yang beroperasi dalam konteks sejarah yang lebih awal, ketika amalan wakaf masih berasaskan aset fizikal seperti tanah, bangunan dan kebun. Oleh yang demikian, pengurusan wakaf pada zamannya belum melibatkan instrumen kewangan moden seperti wakaf tunai (*cash waqf*) atau wakaf korporat. Sebaliknya, Monzer Kahf mengembangkan konsep wakaf selaras dengan perkembangan sistem kewangan Islam kontemporari. Beliau memperkenalkan wakaf tunai sebagai salah satu mekanisme yang membolehkan masyarakat menyertai amalan wakaf tanpa perlu memiliki aset tidak alih. Dana wakaf tunai boleh dikumpulkan, dilaburkan dalam instrumen yang patuh syariah, dan hasil pelaburan disalurkan kepada penerima manfaat, manakala modal asal dikekalkan. Selain itu, pemikiran Kahf turut membuka ruang kepada pembangunan wakaf korporat, iaitu penglibatan syarikat dan institusi perniagaan dalam mewakafkan saham, keuntungan atau aset korporat bagi tujuan pembangunan sosial dan ekonomi. Pendekatan ini memperluaskan skop wakaf daripada pengurusan aset tradisional kepada model pengurusan institusi yang lebih dinamik dan mampan.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang dana atau geran daripada mana-mana sumber. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan individu yang telah memberikan sumbangan akademik dan intelektual dalam penyediaan artikel ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam artikel ini.

## SUMBANGAN PENULIS

**Mohd Safian b. Abdul Rahman:** Penulisan konseptual, metodologi, pengumpulan data – penyediaan draf artikel asal.

**Azhar bin Hj. Wahid:** Pengesahan kandungan penilaian.

**Maskanatul Fiqiyah:** Penulisan, penilaian dan penyuntingan.

## KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data boleh diperoleh daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

## DEKLARASI GENERATIF AI

Semasa penyediaan karya ini, penulis telah menggunakan Gemini (Google) untuk meningkatkan kejelasan penulisan dan struktur bahasa. Selepas proses tersebut, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan seperti yang diperlukan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

## PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

## RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain (1985). *Prinsip Pengurusan di Sektor Awam dan Swasta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmak Ab Rahman. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasi di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1) 113-152.
- Al-Azhari, Junid Tola. (1929). *Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslimin*. Mesir: Hukuk At- Thabaa Mahfuzah Lilmualif.
- Chapra, M. Umer (1984). Book Review: The Islamic Economy: An Analytical Study of the Functioning of the Islamic Economic System. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 1(2) <https://ssrn.com/abstract=3121316>
- Dasopang, Muhammad Darwis et al. (2022). *Diaspora Ulama dan Santri Tapanuli*. Malang: AE Publishing.
- Kahf, M. (1999). Financing the Development of Awqaf Property. *American Journal of Islam and Society*, 16(4) 39-66.
- Kasdi, Abdurrahman (2013). Ikhtiar Pengembangan Wakaf Produktif: Studi Analisis Pemikiran Monzer Kahf Tentang Wakaf Produktif. *Equilibrium: Jurnal Ekonomi Syariah* 1(2), 163-180.
- Kasdi, Abdurrahman (2015). Peran Wakaf Produktif dalam Pengembangan Pendidikan. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan Islam* 3(2), 433-452.
- Lupiyoadi, Rambat (2001). *Manajemen Pemasaran Jasa (Teori dan Praktek)*. Jakarta: Penerbit Salemba Empat.
- Mohd Faisal b. Mustafa et al. (2022) Pengurusan Wakaf di Malaysia: Peluang dan Cabaran dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat. *International Journal of Contemporary Issues*, 2(1) 111-122.
- Muhammad Amirul Solehin Mohd Paid, Mohammaddin Abdul Niri, Abdul Karim Ali & Noor Naemah Abdul Rahman. (2024) Analisis Kitab Kaifiyyah Mengadakan Wakaf Muslimin Karangan Syeikh Junid Tola (M.1948) *Jurnal Fiqh*, 21(2), 177-208. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol21no2.1>
- Najibah Mustafa & Mohd Zamro. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Management Studies* 21(2), 63-81.
- Rangkuti, Miswar (2019). Dari Al-Azhar ke Tanah Mandailing: Biografi dan Kiprah Syekh Junid Thala Rangkuti. *Ihya al-Arabiyah: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab*. 5(2) 244-254.